
DATO'
SEDIA RAJA
ABDULLAH

(Undang Luak Rembau Ke-18)

***DALAM
KENANGAN***



Gambar Dato' Sedia Raja Abdullah bin Haji Dahan, C.B.E., Undang Luak Rembau Ke - 18 (1922 - 1938) dan Ahli Tidak Rasmi Majlis Persekutuan (1927 - 1938) — tokoh pembaharuan dan pejuang bangsa.



SABDA ALU-ALUAN
Y.T.M. DATO' UNDANG LUAK REMBAU

Segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala yang dengan izinNya kita dapat merayakan Hari Kebangsaan Kali Ke - 32 Peringkat Daerah Rembau pada tahun ini yang berbeda dengan sambutan-sambutan Hari Kebangsaan sebelumnya dan dimeriahkan dengan penglibatan rakyat secara menyeluruh.

Selaras dengan seruan Kerajaan Negeri supaya Hari Kebangsaan dirayakan dengan penuh semangat patriotik, program-program sambutan telah diperbanyakkan dengan melibatkan kanak-kanak hinggalah kepada golongan dewasa.

Semua program yang diatur bermaksud untuk mengembalikan ingatan rakyat kepada detik-detik perjuangan mencapai kemerdekaan dan faedah yang dinikmati hingga sekarang. Program yang diatur juga bermaksud untuk menyedarkan rakyat tentang peri pentingnya semangat perjuangan, bersatu-padu dan saling bekerjasama. Tanpa semangat perjuangan masyarakat akan menjadi lemah dan seterusnya Negara mudah dipengaruhi oleh musuh.

Projek utama yang mendasari Hari Kebangsaan Peringkat Daerah Rembau kali ini ialah "Dato' Abdullah Dalam Kenangan" iaitu terbitan Risalah Kecil dan Pameran yang bermaksud untuk mengenang kembali ketokohan Almarhum Y.T.M. Dato' Sedia Raja Abdullah bin Haji Dahan, C.B.E., Undang Luak Rembau yang ke-18 yang telah banyak berjasa kepada Rembau, Negeri Sembilan, Negara dan bangsa Melayu khususnya. Mudah-mudahan pengorbanan Almarhum selama ini tidak mudah dilupai.

Dengan adanya projek untuk menyingkap sejarah masa lalu dan kepelbagaian aktiviti lain seumpamanya, kami percaya sambutan Hari Kebangsaan akan menjadi lebih bermakna dan seterusnya dapat dihayati oleh semua rakyat.

Sekian, wassalam adanya.

(Y.T.M. DATO' SEDIA RAJA DATO' HAJI ADNAN BIN HAJI MA'AH, D.T.N.S.)
UNDANG LUAK REMBAU

*Termaktub di Balai Seri Andika Rembau,
Negeri Sembilan.
Pada 17 haribulan Ogos, tahun 1989.*



PEJABAT TANAH DAERAH,
KOMPLEKS PEJABAT-PEJABAT KERAJAAN,
71309 REMBAU,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Tel.: 06-651225

KATA PENDAHULUAN

Yang nyata - manusia mencipta sejarah; dan kemudian menjadi sebahagian daripada sejarah. Tetapi yang tragis - apabila manusia pencipta sejarah itu sendiri dilupai oleh sejarah yang turut dibentuknya! Inilah yang hampir-hampir menimpa nasib Allahyarham Dato' Abdullah bin Hj. Dahan, Undang Luak Rembau yang kelapan belas, yang lebih dikenali sebagai Dato' Sedia Raja Abdullah.

Menyedari hal inilah maka bersempena perayaan Hari Kebangsaan tahun ini, pihak Pentadbiran Daerah telah memasukkan projek 'Dato' Abdullah Dalam Kenangan' sebagai suatu usaha kecil ke arah mengapungkan semula ketokohan Allahyarham ini ke permukaan sejarah. Penyingkapan kembali dokumen dan peristiwa yang membabitkan Allahyarham ini diyakini akan dapat menyedarkan masyarakat Rembau dan bangsa Melayu bahawa mereka sebenarnya terhutang budi kepada Dato' Sedia Raja Abdullah.

Bagi pihak Pentadbiran Daerah saya berharap semoga usaha permulaan yang dilakukan ini dapat menarik minat para pengkaji sejarah untuk mengkaji lebih lanjut lagi, menilai dan seterusnya meletakkan ketokohan Dato' Sedia Raja Abdullah sewajarnya bersama-sama rangkaian tokoh-tokoh nasional yang telah banyak berkurban dan berbakti.

Saya rakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak khususnya Ketua Pengarah Arkib Negara dan pegawai-pegawainya, Pengerusi Persatuan Sejarah Negeri Sembilan, Cawangan Rembau dan ahli-ahli Jawatankuasanya serta saudara-saudara Husen Kasim, Fadzilah Haji Maamor, Muslimah Othman dan Azizah Mat Dali yang telah membantu menyelidik untuk menjayakan projek ini.

(Y.M. Tengku Ishak bin Tengku Ibrahim, ANS., PMC., PJK.,)

Pegawai Daerah Rembau

merangkap

Pengerusi,

Perayaan Hari Kebangsaan 1989

Daerah Rembau.

DATO' SEDIA RAJA ABDULLAH : KENANG-KENANGAN SEPINTAS LALU

Oleh

Dato' Sutan Bendahara Haji Mohd Sharif Fakeh Hassan

Dato' Sedia Raja Abdullah bin Haji Dahan, Undang Luak Rembau yang ke delapan belas juga dikenali sebagai seorang pemimpin yang banyak membawa pembaruan di Rembau.

Beliau telah dilahirkan dari sebuah keluarga yang berada pada tahun 1900. Ibunya bernama Salmah bt. Daud daripada Suku Waris Biduanda Sedia Raja Kampung Tanjung dan bapanya Hj. Dahan bin Hj. Ibrahim daripada Suku Waris Lela Maharaja.

Semasa kecil Abdullah adalah seorang kanak-kanak yang rajin dan tekun belajar, dididik oleh bapanya taatkan agama dan selalu sembahyang berjemaah, serta menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Kota. Kegemarannya bermain bola sepak, sepak raga dan memancing ikan. Pergaulannya terbatas. Beliau tidak mempunyai rakan yang ramai dan jarang sekali berkelahi. Dua orang sahabat baiknya masa kecil ialah Cikgu Salleh dan Cikgu Yassin.

Abdullah merupakan anak sulung daripada tiga orang adik-beradik seibu. Apabila ibunya meninggal dunia, bapanya berkahwin "ganti tikar" dan mendapat beberapa orang anak lagi.

Setelah tamat belajar darjah lima (darjah yang tertinggi ketika itu) di Sekolah Melayu Kota, Abdullah dipilih memasuki Maktab Melayu Kuala Kangsar (MMKK), iaitu sebuah sekolah Inggeris tempat anak-anak bangsawan Melayu melanjutkan pelajaran sehingga ke kelas Senior Cambridge.

Di Maktab itu Abdullah telah menunjukkan keupayaan dan keazamannya yang tinggi. Kebolehannya menguasai Bahasa Inggeris sukar ditandingi oleh rakan-rakan sedarjahnya. Beliau juga dikatakan seorang yang sangat gemar membaca, samada buku-buku cerita berbentuk novel, sejarah, riwayat hidup, falsafah, ilmu falak, ilmu sains, perkembangan Islam dan lain-lain. Di antara buku yang paling digemari dan sentiasa ada di samping Abdullah ialah **Encyclopaedia Britannica** yang seolah-olah sahabat kepadanya. Minatnya yang demikian itu telah banyak menolong beliau memperluaskan ilmu pengetahuannya.

Abdullah juga sewaktu kecilnya kadangkala dijemput orang untuk bercerita atau membacakan kepada mereka buku-bulu cerita lama sebagai seorang **penglipurlara** yang menghiburkan hati penduduk kampung tidak kira tua atau muda. Kebanyakan cerita itu ialah yang berhubung dengan peperangan antara raja kerana berebutkan puteri atau cerita dewa-dewi, raksaksa, jin dan sebagainya.

Semasa di Maktab juga Abdullah pernah dilantik memegang jawatan ketua pelajar dan beliau telah dapat menjalankan tugas itu dengan penuh tanggungjawab sambil menunjukkan watak kepimpinan yang baik. Raut wajahnya jelas menggambarkan bahawa beliau seorang yang berdisiplin, tegas dan mempunyai keazaman yang kuat yang menjadikan beliau disegani oleh rakan-rakannya dan popular di kalangan mereka tetapi ada yang menganggapnya sebagai seorang yang sombong. Beliau juga adalah seorang pemain pasukan pertama bolasepak Maktab itu, pemain hoki dan tenis serta pernah menjadi juara acara lari berhalangan dalam olahraga tahunan Maktab.

Sahabat baik Abdullah semasa di Maktab ialah Mohd Yusof bin Ahmad, yang kemudiannya mejawat jawatan Penolong Nazir Sekolah-Sekolah Melayu Selangor. Persahabatan mereka terjalin rapat kerana kedua-duanya mempunyai kegemaran yang sama iaitu membaca.

Pada tahun 1919 J.O'May, Pemangku Pengetua Maktab Melayu Kuala Kangsar, yang tertarik hati dengan watak, budi pekerti dan cita-cita tinggi Abdullah terutama sekali minat Abdullah yang kuat ke arah perubatan, telah mencadangkan kepada kerajaan Inggeris supaya Abdullah diberi biasiswa melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di peringkat universiti dan keluar sebagai **doktor** Melayu yang pertama dan bukan sebagai **assistant surgeon** sebagaimana yang telah sudah. Sehubungan itu, J.O'May mencadangkan agar Abdullah dimasukkan ke kelas matrikulasi Universiti Hongkong yang mungkin terdapat di Penang Free School. Tetapi, Pegawai Daerah Tampin C.W.C. Parr lebih cenderung dan memperakukan Abdullah menjadi Pegawai Percubaan Melayu (Malay Probationary Officer).

Pada tahun 1921 Abdullah lulus peperiksaan Senior Cambridge dan berjaya mendapat keputusan cemerlang.

Selepas lulus dalam peperiksaan itu Abdullah bekerja sebagai Pegawai Syarikat Kerjasama, iaitu pilihannya sendiri. Abdullah tidak memilih jawatan sebagai Pegawai Pentadbir Melayu (M.A.S.) yang telah dirancang baginya, walaupun jawatan itu mempunyai prospek bagi dirinya masa akan datang.

Dengan memegang jawatan sebagai Pegawai Syarikat Kerjasama Abdullah dapat mendampingi masyarakat dan memberi pandangan atas manfaat penubuhan syarikat itu guna membaiki kedudukan sosio-ekonomi orang Melayu, iaitu satu cita-cita yang telah lama terpendam dalam hatinya Beliau telah mengambil inisiatif menubuhkan Syarikat Kerjasama di kampung-kampung bagi mengelakkan kegiatan orang-tengah mengaut keuntungan dengan sewenang-wenangnya ke atas masyarakat tani Melayu. Dengan penubuhan koperasi di luar-luar bandar serba sedikit kerja-kerja pertanian dapat berjalan lancar dan ampangan batu dan tali air dibina.

Pada 1hb. September 1922 ketika berumur 22 tahun Abdullah dilantik menjadi Undang Luak Rembau Ke - 18 bergelar Dato' Sedia Raja bagi mengambil tempat Dato' Lela Maharaja Hj. Sulong bin Ambiah yang telah terpecat. Dengan campur tangan Inggeris dalam perlantikan itu telah berlaku sedikit pertikaian. Semenjak itu Undang Luak Rembau diberi pencen tetap bulanan dan tidak lagi sepertiga bahagian daripada hasil Rembau seperti sebelumnya.

Sebagai seorang Undang atau pemerintah tertinggi dalam pentadbiran Daerah Rembau sama ada daripada segi Adat atau lainnya sudah tentulah beliau agak sibuk dengan tugas-tugas rasmi atau tidak rasmi. Bagaimanapun pagi-pagi lagi selepas menunaikan fardu subuh Dato' Abdullah bersarapan pagi. Kegemarannya minum kopi dan beliau tidak memilih makanan. Beliau akan makan apa sahaja yang dihidangkan. Pada waktu petang beliau minum teh.

Bila ke pajabat beliau suka memakai kot, dan berpakaian Melayu jika ke majlis perkahwinan, tanpa mengira warna yang tertentu. Bila berkata-kata suaranya lembut serta perlahan dan kadangkala tegas sekiranya ada sesuatu yang beliau tidak setuju. Dikatakan juga beliau ada mempunyai "pengering" yang keras yang menyebabkan orang tidak berani berhadapan menentang mukanya. Beliau suka memberi nasihat dan jarang sekali memaki ataupun menghamun sekalipun kepada pekerja yang melakukan kesalahan.

Disamping itu beliau juga seorang yang pemurah yang selalu mengadakan kenduri di rumah kediamannya, seperti kenduri menyambut perayaan Mauludun-Nabi dan kenduri malam-malaman pada malam 20 haribulan Ramadan dengan menyembelih beberapa ekor kerbau menjamu anak-buah dan rakyat jelata. Ramai rakyat datang berkunjung ke rumahnya terutama sekali kanak-kanak kerana masing-masing akan menerima sedekah.

Sebelum Balai Undang di pekan Rembau siap dibina dalam tahun 1933 rumah kediaman beliau di Kampung Cembung itulah dijadikan sebagai pejabat tempat menjalankan urusan dan tempat Dato'-Dato' Lembaga hadir mengadap. Jarak rumahnya dengan Balai itu adalah kira-kira dua batu. Kadangkala beliau datang ke pejabatnya dengan berjalan kaki sahaja dan beliau gemar sampai lebih awal daripada pekerja-pekerjanya pada waktu pagi.

Beliau suka melihat susunan pejabat yang kemas dan rapi serta bersih. Beliau tidak suka masalah anak-buah dibincangkan di kedai-kedai kopi atau di tepi-tepi jalan. Setiap pangaduan yang disampaikan kepadanya didengar dengan penuh teliti.

Jika perlu beliau sendiri akan pergi melawat ke kawasan yang berkenaan. Dengan adanya Balai Pejabat itu dapatlah beliau menjalankan pentadbiran adat dengan kemas dan licin.

Rakyat Rembau dan Pegawai-pegawai Inggeris amat hormat dan segan kepada Dato' Abdullah. Pegawai yang hendak berjumpa dengannya perlu mengadakan temujanji lebih dahulu. Ini adalah mencerminkan sifat peribadinya yang tegas dan berdisiplin. Beliau berfahaman bahawa sebarang perjumpaan dengan seseorang pegawai hendaklah dibuat secara rasmi. Ini merupakan sesuatu yang baru dalam pentadbiran di Rembau.

Sebagai pemimpin Melayu dan pelindung Adat Perpatih peranan Dato' Abdullah jelas ketara melalui tulisan-tulisannya. Beliau pernah menyuarakan supaya Adat Perpatih dibukukan dan demi kepentingan rakyat Rembau pemilihan Dato' Lembaga itu hendaklah daripada kalangan yang terbaik, berilmu dan bertanggungjawab. Sayangnya pandangan beliau itu belum berjalan dengan sepenuhnya.

Dalam ucapan-ucapan beliau Dato' Abdullah seringkali menanamkan semangat gemar membaca di kalangan anak-anak Melayu. Beliau berharap pada masa akan datang banyakkah rumah anak bangsa mempunyai perpustakaan keluarga.

Hasil tuntutan beliau supaya kehadiran kanak-kanak perempuan ke sekolah diwajibkan, sebuah sekolah perempuan Melayu dibina di Kampung Tanjung pada tahun 1923. Kemudian dibina pula Sekolah Perempuan Kampung Cembung pada tahun 1933. Ini adalah kali permulaan dalam sejarah Rembau sekolah perempuan dibuka dan telah mendapat tentangan pada mulanya daripada penduduk kampung. Kemudian sebuah sekolah Pertukangan Tangan (Trade School) pula didirikan berhampiran pekan Rembau dalam tahun 1933 juga.

Dalam tahun 1920an sebuah tabung untuk menguruskan perbelanjaan melanjutkan pelajaran dibentuk. Pada mulanya tabung itu khas bagi kegunaan anak-anak waris sahaja, tetapi akhir-akhir ini telah dibuka kepada pelajar-pelajar anak Rembau yang berkebolehan dan memerlukan bantuan. Tabung itu diberi nama WARIS FUND. Atas inisiatif Dato' Abdullah menubuhkan tabung itu ramailah pelajar-pelajar anak waris yang kurang berkemampuan dapat melanjutkan pelajaran ke institusi-institusi pelajaran tinggi.

Dalam "Majalah Tetauan Muda" Dato' Abdullah telah menulis dengan panjang lebar mengenai Syarikat Kerjasama. Antara lain, yang dibincangkan ialah Tujuan dan Kewajipan Syarikat, Cara Mentadbir dan membangunkannya serta Harta-harta Syarikat dan Hak-hak Ahli. (Majalah Tetauan Muda, Bil. 1 Disember 1932 diterbitkan oleh Persekutuan Rembau Ternakan, N. Sembilan).

Dalam mempertinggikan syiar Islam pula Dato' Abdullah telah berjaya mendapatkan peruntukan membina sebuah masjid di Kampung Cembung pada tahun 1928.

Atas pilihannya sendiri Dato' Abdullah telah menamatkan zaman remajanya dengan mendirikan rumahtangga dengan seorang gadis di Kampung Cembung Berkat, anak buah dari Suku Paya Kumbuh Darat bernama Cik Siti Mariam bt. Awal. Hasil

dari perkahwinan itu beliau telah dikurniakan lima orang anak perempuan dan seorang anak lelaki. Anak lelakinya itu telah meninggal semasa kecil. Kemudian pada 25hb. Januari 1931 Dato' Abdullah berkahwin kali kedua dengan Cik Kontek Kamariah binti Haji Ahmad, Penyelia Sekolah-Sekolah Melayu Selangor.

Sebagai seorang pembesar negeri yang sibuk dengan tanggungjawab dan tugas harian beliau merasa perlu berihat melapangkan fikiran dengan melawat ke luar negeri untuk meluaskan pandangan dan menambah pengalaman. Pada tahun 1934 beliau pergi melawat Indonesia, menjelajah kota Medan, Bukit Tinggi, Pagar Ruyung, Berastagi dan Betawi.

Kemudian dalam tahun 1936 beliau keluar negeri melawat negara Jepun sambil singgah di Hongkong dan di China. Semasa berada di Jepun beliau telah diterima mengadap Maharaja Jepun Hirohito dan sempat mengadakan perbincangan dengannya. Tidak siapa yang tahu apakah yang mereka bincangkan.

Sekembalinya melawat negara Jepun dan beberapa buah bandar di negara China beliau mengalami "sakit ganjil" yang tidak dapat ditentukan jenisnya. Beberapa orang doktor pakar perubatan sakit jiwa telah dirujuk dan datang mengubati-nya tetapi tidak dapat menentukan apakah jenis penyakit yang dihidapinya. Ahli-ahli perubatan tradisional juga datang mengubati tetapi penyakit tidak sembuh. Menurut ceritanya apabila penyakit itu datang menyerang beliau tidak sedarkan diri, tangannya menggigil, pendengarannya hilang dan mulutnya bisu.

Akhirnya setelah hampir tiga tahun menderita sakit, dalam tahun 1938, dengan kehendak Allah Dato' Abdullah menghembuskan nafas terakhir, kembali ke Rahmatullah Taala di Balai Kediamannya di Kampung Cembung Berkat, Rembau.


Kepergian Dato' Abdullah dalam usia yang masih muda, tiga puluh lapan tahun itu, adalah kepulangan yang tidak kembali lagi. Bagaimanapun sejarah tetap mengenang beliau sebagai seorang yang berjasa yang banyak membawa kemajuan dan pembaharuan dalam daerah Rembau dalam tahun 1920an dan 1930an :

“Harimau mati meninggalkan belang,
Manusia mati meninggalkan nama.
Walaupun jasadmu telah hilang,
Jasa dikenang selama-lama.”

Tan Sri Doktor Mohd Said bekas Menteri Besar Negeri Sembilan pernah menyebut mengenai kematian Dato' Sedia Raja Abdullah :

“Negeri Sembilan has lost one of its most
illustrious sons and the Malays one
of their foremost leaders of the twenties
and thirties of the present century.”

(Terjemahan : Negeri Sembilan telah kehilangan salah seorang daripada putera terbilangannya dan bangsa Melayu pula kehilangan salah seorang daripada pemimpin terkemuka mereka pada tahun-tahun dua puluhan dan tiga puluhan abad ini)



Gambar beramai-ramai Ahli Majlis Persekutuan yang diambil pada 24hb. April 1927 di hadapan King's House (sekarang Istana Tetamu) Kuala Lumpur selepas penyusunan semula keanggotaan Majlis tersebut. Dato' Sedia Raja Abdullah ialah yang duduk paling kanan berbaju gelap.

DATO' SEDIA RAJA ABDULLAH : PERIBADI DAN PERWATAKANNYA

Oleh

Abdullah Azmi bin Abdul Khalid

Setakat ini ramai orang kenal Dato' Abdullah (seterusnya disingkatkan sebagai DA) sebagai Undang Rembau yang banyak membaca, serius, pejuang bangsa Melayu dan telah membawa beberapa perubahan dalam masyarakat Melayu umumnya. Malah ingatan orang di Rembau masih banyak diwarnai oleh gambaran-gambaran di atas. Pendek kata seolah-olah DA tidak dikenali dari sudut-sudut lain. Rencana ini cuba menonjolkan satu sudut yang masih belum diketahui umum secara jelas iaitu keperibadian dan pemikirannya secara persendirian.

Semasa di Rumah Berkat di Cembung Allahyarham sentiasa menghabiskan masa membaca pelbagai buku dan majalah serta akhbar (termasuk akhbar-akhbar dari England). Jika DA membaca di anjung rumahnya dia tidak suka diganggu. Apabila beliau tertarik kepada satu perkara dalam bacaannya beliau berjalan dengan cepat menggunakan tangga untuk turun ke bawah. Seterusnya dia menuju ke pejabatnya di satu bahagian di tingkat bawah (pejabatnya menghadapi tempat bermain tenis). Apabila di dalam pejabat, beliau bersungguh-sungguh mencari buku-buku lain untuk memastikan samada perkara yang dibaca itu benar wujud atau terdapat di dalam koleksi bukunya di pejabat. Jika didapati perkara yang dibaca juga tertulis dalam buku-buku beliau yang terkumpul di pejabat, DA berasa suka dan tersenyum. Jika-lau didapati buku yang merujuk tentang apa yang dibaca tiada terdapat dalam koleksi bukunya maka dengan tidak lengah lagi beliau memesan buku tentang perkara yang berkenaan. Misalnya pernah beliau meluahkan perkataan "Ibnu Battuta" beberapa kali dan dicari samada buku tentang Ibnu Battuta ada dalam pejabatnya. Setelah diketahui buku tentang Ibnu Battuta tiada beliau terus memesan buku berkenaan Ibnu Battuta. Banyak buku beliau diperolehi secara demikian. Selain dari

itu DA dikatakan habis membaca satu set buku-buku tebal *Encyclopaedia Britannica*. Pernah juga dirakamkan oleh Pemangku Pengetua Maktab Melayu Kuala Kangsar (iaitu J.O'May) bahawa semasa DA di sekolah, O' May selalu melihat DA membaca buku-buku sains dan *encyclopaedia*.

Tentang makanan, DA tidak cerewet. Beliau tidak suka makan bersendirian. Dikatakan bahawa beliau tidak makan terlalu banyak dan di antara makanan yang digemari ialah lauk ikan puyu yang diperolehi dari sawah semasa musim menuai padi.

DA juga suka bersukan dan menjaga kesihatan badan. Selain daripada golf, beliau juga gemar bermain tenis. Di antara sahabat-sahabatnya yang kerap bermain tenis dengan beliau adalah Dr. Ibrahim. Lazimnya selepas sembahyang subuh, DA berlari keliling rumahnya hingga ke padang sekolah berhampiran.

Semasa menjadi Undang, DA pernah mempunyai lima buah kereta: sebuah Fiat, sebuah Vauxhall, sebuah Chevrolet dan dua buah Mercedes. Sehubungan dengan hal kereta, terdapat suatu peristiwa yang menarik. Dalam satu perjalanan untuk menghadiri mesyuarat Majlis Persekutuan (*Federal Council*) di Kuala Lumpur, tiba-tiba sebuah kereta "memintas" kereta beliau sejurus selepas pekan Semenyih. Lantaran itu, DA menyuruh drebarnya (bernama Jamal) "memintas" kereta tersebut dan berhenti di hadapan kereta berkenaan. Kemudian DA menyuruh pembantunya Mohd. Yusof keluar dari kereta dan mengarahnya menempeleng drebar kereta itu. Rupa-rupanya kereta tersebut kepunyaan seorang chetty. Tetapi oleh kerana belas kasihan, Mohd. Yusof tidak membuat apa yang disuruh oleh DA tetapi sekadar memberitahu secara tegas bahawa kereta yang "dipintas" oleh chetty itu adalah kepunyaan Undang Rembau seperti terpampang di plet kereta. Ketika itu chetty tersebut menyedari kesalahannya, terus tunduk dan menyembah ke arah kereta DA.

Peristiwa-peristiwa lain ada juga disebutkan yang menerusinya fiil DA terserlah jika beliau tidak berkenan dengan orang-orang tertentu. Peristiwa yang paling terkenal adalah tentang lawatan mengejut Pegawai Daerah (D.O.) Tampin ketika itu iaitu Luckham. Suatu hari, Luckham telah muncul tanpa temujanji di hadapan rumah DA. Memandangkan keadaan tersebut DA tidak membenarkan pegawai Inggeris itu masuk. Sebaliknya dibiarkannya Luckham berjemur selama lebih kurang satu jam. Dalam pada itu, di dalam rumah, DA bersungut kepada pembantunya Mohd. Yusof: "Kan dia (Luckham) ada telefon, telegram, boleh menulis surat dan ada peon? tapi menceroboh masuk - kurang ajar!". Malangnya Luckham tidak dapat berjumpa dengan DA dan selepas beliau pulang, DA menanyai Mohd. Yusof: "Merah muka orang putih itu tak?"

Satu lagi peristiwa berkaitan dengan seorang alim dari Perak yang datang berkunjung ke rumah DA. Tetamu berkenaan telah berhujah dengan panjang lebar tentang kelemahan Adat Papatih dan mencadangkan supaya adat itu diganti dengan Adat Temenggung. Dengan tidak melengah masa DA menghalau alim tersebut.

Semasa di rumah, DA merokok dan terdapat pelbagai tin rokok seperti du Maurier, Capstan dan Players. Tetapi beliau tidak terikat kepada rokok tertentu.

Begitu juga menghisap paip; kadangkala bersilih ganti dengan rokok tetapi tidak menjadi hamba paip. Dalam masa lapangnya DA suka menjaga bunga-bunga yang ditanam serta pokok buah-buahan di kawasan rumah. Kadangkala pada musim buah-buahan, ternampak oleh beliau budak-budak kampung mengambil buah-buahan. Tetapi beliau tidak marah. Sebaliknya DA menyanai Mohd. Yusof siapakah budak-budak tersebut. Setelah diterangkan, DA mengatakan jika mahu mengambil buah-buahan, ambillah apabila dia tidak berada di rumah. Kadangkala semasa berihat, beliau bermain piano dengan isterinya Mariam binti Syawal. DA boleh membaca nota muzik dan selalunya memainkan lagu-lagu Melayu. Umumnya DA sentiasa beramal ibadat dan kuat sembahyang. Waktu maghrib beliau mahukan suasana senyap di dalam rumahnya. Di rumahnya ada lapan orang pekerja. Empat orang pembantu perempuan menjaga tiap seorang anak-anak perempuannya iaitu Siti Rokyah, Siti Rohani, Siti Norbaya, Siti Noredah dan Faridah Hanum. Selain dari itu ada dua orang penjaga kebun dan dua orang lagi pembantu lelaki di dalam rumah.

DA jarang sekali bercampur gaul dengan orang-orang di Kampung Cembung. Pernah dibayangkannya bahawa membaca itu lebih baik daripada bercakap-cakap. Namun begitu jika diajak keluar untuk mengalami sesuatu di kampung beliau tidak membantah. Pernah DA turut sama menangkap belalang di sawah pada sebelah malam. Selain itu beliau juga gemar memburu bersama-sama dua atau tiga orang lain. Tetapi kesukaan ini terpaksa dihentikan kerana orang-orang tua kampung menasihati beliau bahawa kegiatan tersebut merbahaya memandangkan kedudukannya sebagai Undang. Teguran-teguran yang baik cepat diikutinya.

Satu lagi kes adalah penubuhan pasukan sukarela di Rembau yang didorong oleh beliau. DA mengajar sukarelawan-sukarelawan tersebut seramai lebih kurang 30 - 40 orang. Orang-orang tua kampung kemudiannya menasihati beliau bahawa tidak patut Dato' Undang mengajar sukarelawan-sukarelawan tersebut. Sejurus selepas itu DA tidak lagi mengajar mereka.

Setelah DA dianugerahi bintang C.B.E. (Commander of the British Empire) oleh Raja Inggeris, penghormatan itu disambut oleh beliau di rumahnya selama 3 hari 3 malam. Kenduri besar-besaran diadakan di Rumah Merah (di sebelah Rumah Berkat). Orang-orang bujang dipanggil membantu dan ronggeng diadakan. Sebelum itu, DA memang tidak membenarkan ronggeng diadakan di Rembau. Apabila ditanyai mengapa dibenarkan ronggeng untuk sambutan itu walhal sebelumnya DA menghentikan ronggeng di Rembau, lantas DA menjawab bahawa dia mendengar sungutan orang muda kampung: "Kalau tidak ada ronggeng tidak meriahlah sambutan ini".

Ramai pembesar Melayu telah mengunjungi beliau di rumahnya. Di antaranya Raja Chulan, Tengku Besar Pahang, Dato' Onn Jaafar dan Ibu Zain. Dato' Onn khabarnya pernah tidur di rumah DA di Cembung. Keadaan di rumahnya sentiasa bersih, kemas dan teratur. Apabila beliau membaca dan membuat kerja, memang pantang beliau mendengar budak kecil (anak-anaknya) menangis.

DA sering pergi ke Kuala Lumpur untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat Majlis Persekutuan (Federal Council). Beliau dilantik sebagai ahli tidak rasmi

Majlis itu apda 23 April 1927. Satu tabiat DA adalah beliau selalu membaca dan menyemak kerta-kertas yang dibincangkan pada malam sebelum perjumpaan Majlis, kadangkala hingga larut malam. Dalam kesungguhan ini mulutnya bergerak-gerak seolah-olah menghayati atau menghafal sesuatu. Adakalanya, jika tidak terdaya, beliau naik keretapi ke Pulau Pinang untuk mengubah suasana dalam persediaan untuk mesyuarat Majlis Persekutuan. Biasanya di Pulau Pinang beliau suka tinggal di sebuah hotel di Bukit Bendera (Penang Hill). Jika di kuala Lumpur, apabila menghadiri sesi Majlis beliau biasanya tinggal samada di Hotel Federal, Hotel Majestic atau Hotel Stesen.

Pada sekitar tahun 1935-36 DA telah belayar ke Jepun dengan kapal **Checibu Maru** dari Singapura. Beliau berada di sana lebih kurang tiga bulan dan sempat bertemu dengan Maharaja Hirohito. Tentang lawatan ini, DA pernah memberitahu Mohd. Yusof supaya merahsiakan pertemuannya dengan orang-orang Jepun: "Kalau ada sesiapa tanya apa kita buat di Jepun, cakapkan kita pergi berehat dan bermain golf." Selepas Jepun beliau telah pergi ke Shanghai di negara China dan berada di situ selama 4-5 hari sahaja. Di sana, beliau mula berasa sakit dan tidak dapat meneruskan perjalanan. Beliau pulang ke tanahair dengan kapal terbang. Sejak itu keadaan kesihatannya makin merosot dan beliau pergi berubat di Medan dan Singapura.

Terdapat suatu peristiwa yang amat pilu menyentuh hati. Semasa pertabalan Y.A.M. Tg. Abdul Rahman di Sri Menanti, pembesar-pembesar daerah masuk ke dalam balai di istana mengikut protokol dan giliran. Dato' Kelana Sungai Ujung masuk dahulu diikuti oleh Dato' Undang Jelebu. Kemudian giliran DA pula. Semasa semua ini berjalan ada seorang alim berdiri berhampiran pintu masuk bersama sahabatnya. Sejurus selepas DA masuk ke dalam balai, alim itu menanyai sahabatnya siapakah yang baru masuk itu. Sahabatnya memberitahu bahawa yang masuk itu ialah Dato' Abdullah, Undang Rembau. Lantas sahabatnya bertanya : "Mengapa?". Alim itu menggelengkan kepala dan berkata: "Dia bijak orangnya tetapi umurnya pendek."

Pada 1938 DA meninggal dunia.

DATO' SEDIA RAJA ABDULLAH: KEPIMPINAN DAN SUMBANGANNYA

Oleh
Nurhalim b. Ibrahim

Dalam tahun 1921, selepas tamat persekolahan di Kolej Melayu Kuala Kangsar, Abdullah Haji Dahan dilantik menjadi pegawai di Jabatan Syarikat Kerjasama yang baru ditubuhkan. Beliau bertugas di situ untuk beberapa tahun.

Semasa memegang tugas tersebut, beliau merupakan penyokong terkuat penubuhan Syarikat Kerjasama. Untuk tujuan ini beliau telah menerbitkan satu siri rencana mengenai Syarikat Kerjasama dalam jurnal kecil: **Tetuan Muda** mulai tahun 1923. Dalam rencana ini dinyatakan tujuan-tujuan dan kebaikan-kebaikan syarikat berkenaan.

Pelajaran merupakan soalan pertama yang disuarakan oleh Dato' Abdullah waktu beliau pertama kali duduk di kerusi Majlis Persekutuan. Antara persoalan yang dikemukakan adalah:

- a) Mutu pelajaran Inggeris di sekolah-sekolah berasrama penuh seperti Kolej Melayu Kuala Kangsar dan Sekolah King George V harus ditingkatkan.
- b) Menyuarakan ketidakseimbangan antara bilangan anak-anak atau saudara-mara pembesar, raja dan waris negeri yang diberi peluang belajar di Kolej Melayu Kuala Kangsar.
- c) Mencadangkan agar seorang guru Melayu yang fasih berbahasa Melayu dan Inggeris mengajar di Kolej Melayu Kuala Kangsar supaya murid-murid di Kolej itu dapat pengajaran bahasa Melayu yang bermutu tinggi.

- d) Mahukan agar murid-murid Melayu di Sekolah King George V Seremban diberi peluang memasuki kelas **Junior Cambridge** dan seterusnya mengambil peperiksaan **Junior Cambridge**.
- e) Mencadangkan supaya tiap-tiap murid diberi peluang mengambil peperiksaan **Junior Cambridge** tanpa mengira keputusan-keputusan peperiksaan penggal pertama mereka.
- f) Mencadangkan agar semua murid perempuan Melayu dimestikan hadir di sekolah-sekolah vernacular Kerajaan.
- g) Dato' Abdullah juga mengambil berat tentang soal pelajaran untuk anak perempuan, terutama di Rembau. Sebagai bukti, sewaktu Inggeris hendak membuka sekolah untuk kanak-kanak perempuan di Kampung Tanjung, Gadung, beliau sendiri telah memberi bantuan wang sebanyak \$326.00 yang dikeluarkan dari **Waris Fund** untuk membantu kerja pembinaan sekolah tersebut. Beliau juga telah mencadangkan nama seorang guru perempuan yang berkelayakan mengajar di sekolah tersebut apabila sekolah itu menghadapi masalah ketiadaan guru perempuan untuk mengajar. Berikutan dengan ini, dalam Majlis Persekutuan beliau telah meminta Kerajaan mengkaji secara mendalam tentang keperluan sebenar sesuatu kawasan sebelum mendirikan sekolah untuk murid-murid perempuan di kawasan tersebut untuk mengelakkan pembaziran wang.

Untuk cadangan dan permintaan terakhir ini, R.O. Winstedt yang menjawab soalan itu di Majlis Persekutuan menganggap Dato' Abdullah sebagai seorang yang berani kerana bagi beliau sendiri yang telah berkhidmat empat tahun di Negeri Sembilan beliau masih belum berani mengemukakan cadangan serupa itu.

Satu lagi persoalan yang ditimbulkan oleh Dato' Abdullah dalam Majlis Persekutuan adalah soal pertanian. Antara lain beliau menekankan:

- a) Kerajaan perlu memberi bantuan dari segala segi kepada orang Melayu memandangkan kemunduran ekonomi pertanian orang-orang Melayu. Ini harus dipentingkan kerana ekonomi orang Melayu semata-mata bergantung kepada pertanian.
- b) Kerajaan harus menggalakkan lagi penanaman padi dan tidak terlalu bergantung kepada import luar negeri, yang secara tidak langsung telah mengakibatkan kemerosotan padi setempat di pasaran tempatan.
- c) Menyokong cadangan Kerajaan untuk mengenakan cukai lima belas sen sepikul beras yang diimport kerana tindakan ini memberi insentif untuk memajukan perusahaan padi dan juga meninggikan taraf hidup petani Melayu.
- d) Beliau mahu jaminan dari Kerajaan yang hasil dari cukai import itu digunakan untuk memajukan perusahaan padi.
- e) Beliau juga mencadangkan agar Kerajaan menjalankan penyelidikan yang sistematis ke atas kawasan-kawasan yang mahu dijadikan kawasan penempatan

baru agar ia sesuai untuk pertanian khususnya untuk menanam padi. Dengan itu penempatan baru itu satu masa nanti menjadi satu rancangan pembangunan yang komprehensif. Justeru itu Kerajaan harus mengeluarkan bantuan dan pertolongan dengan harapan ia akan menolong petani-petani mencapai taraf berdikari.

f) Salah satu dari bantuan yang diberi harus berupa pembinaan taliair yang sesuai.

Untuk memajukan lagi perusahaan pertanian di kalangan masyarakat Melayu, Dato' Abdullah juga menekankan tentang betapa perlunya Syarikat Kerjasama ditubuhkan di kampung-kampung untuk menjadi sumber meminjam wang bagi penduduk-penduduk di kampung dan juga di kawasan penempatan baru.

- a) Dato' Abdullah meminta Kerajaan menyiasat mengenai penanguhan penerbitan **manual** mengenai Syarikat Kerjasama di kampung. **Manual** itu telah disediakan oleh Sayyid Sheikh Al-Hadi.
- b) Syarikat Kerjasama harus didirikan untuk menghindar kemasukan peminjam-peminjam wang yang dianggap membahayakan ekonomi orang-orang Melayu di kampung.
- c) Beliau mencadangkan agar Prinsip Syarikat Kerjasama dijadikan satu mata pelajaran di Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim kerana pelajar-pelajar maktab ini kelak akan menjadi guru di kampung-kampung dan di sana nanti bolehlah guru-guru itu mengajar orang kampung mengenainya.
- d) Beliau, sebagai langkah pertama mungkin, telah berjaya memulakan 'Persatuan Hidup Sempurna' di Negeri Sembilan, khususnya di Rembau. Tujuan persatuan ini adalah untuk mengurangkan perbelanjaan kenduri perkahwinan dan lain-lain kenduri yang berkaitan dengan adat istiadat tradisi.

Satu lagi aspek yang mendapat perhatian dan disuarakan oleh Dato' Abdullah dalam Majlis Persekutuan adalah mengenai Tanah Simpanan Melayu. Tujuan beliau mencadangkan pengwujudan Tanah Simpanan Melayu adalah untuk melindungi tanah orang Melayu demi menjaga kepentingan mereka untuk masa yang akan datang. Tanah orang Melayu pada masa itu telah banyak jatuh ke tangan bangsa asing.

- a) Dalam tahun 1927, Dato' Abdullah telah merayu agar Kerajaan menambah lagi jumlah Tanah Simpanan Melayu hingga suatu masa apabila munculnya satu kelas orang-orang Melayu yang boleh menguruskan perjalanan estet-estet yang lebih luas.
- b) Dato' Abdullah serius menyuarakan kerisauannya tentang kehilangan tanah orang Melayu yang mungkin akan terlepas ke tangan bangsa asing. Dari itu beliau mencadangkan agar Kerajaan mengadakan satu polisi mengenainya. Akhirnya dalam tahun 1933 satu Undang-undang Tanah Simpanan Melayu diluluskan.

Dato' Abdullah juga menyuarakan bantahan yang kuat ke atas cadangan Kerajaan mengenakan bayaran sebanyak tiga ringgit ke atas tiap-tiap satu ekar tanah yang digunakan oleh penduduk-penduduk di kawasan Keretapi Tanah Melayu khususnya untuk bertanam padi. Namun, Pentadbiran Inggeris, khasnya Jabatan Keretapi enggan menarik balik cadangan itu.

Satu lagi persoalan besar yang disuarakan oleh Dato' Abdullah ialah mengenai bidang pentadbiran Inggeris. Antara lain, beliau bersama Raja Chulan khususnya mencadangkan :

- a) Kerajaan harus memberi peluang bagi orang Melayu memasuki bidang pentadbiran dalam jabatan-jabatan kerajaan. Antara desakan yang dibuat berkaitan dengan ini ialah:
 - (i) Lebih ramai pegawai Melayu dimasukkan ke dalam semua Jabatan Kerajaan seperti Perbendaharaan, Perdagangan, Kastam dan Jabatan Kehutanan.
 - (ii) Tidak cukup dengan hanya mengambil pegawai Melayu untuk bekerja di Pejabat Daerah sebagai Penolong Pegawai Daerah sahaja dan tidak mendedahkan atau memberi mereka pengalaman dari segi kewangan dan bidang-bidang lain di ibupejabat. Tegasnya Dato' Abdullah mahu supaya Kerajaan memberi peluang kepada orang-orang Melayu memegang jawatan-jawatan yang lebih penting supaya mereka dapat memainkan peranan yang lebih berkesan lagi dalam pentadbiran Kerajaan dan disamping itu memberi pegawai-pegawai Melayu layanan yang baik.
 - (iii) Adakan sekim khas untuk menempatkan pegawai Melayu ke jabatan-jabatan tertentu berdasarkan kebolehan mereka.
 - (iv) Pegawai Melayu perlu diberi latihan dan kemudahan yang cukup untuk memenuhi beberapa jawatan dalam beberapa Jabatan Kerajaan; melayakkan pegawai-pegawai Melayu memegang jawatan-jawatan yang lebih tinggi kerana orang Melayu boleh memainkan peranan yang penting dalam apa bidang sekalipun.
 - (v) Menafikan yang pegawai Melayu tidak layak memegang jawatan penting dalam sesetengah Jabatan Kerajaan.
- b) Menggesa Kerajaan mempercepatkan kenaikan pangkat orang Melayu dari pegawai Perkhidmatan Pentadbiran Melayu kepada pegawai Perkhidmatan Awam Melayu.
- c) Sehubungan dengan kemajuan pentadbiran Inggeris dengan orang Melayu ini, Dato' Abdullah juga sering mempersoalkan tentang kemajuan perancangan Kerajaan untuk mengambil lebih ramai pekerja Melayu dalam jabatan-jabatan teknikal seperti Jabatan Kerjaraya, Jabatan Pos dan Jabatan Keretapi. Malahan beliau juga telah memberikan butir-butir yang menunjukkan ketidakadilan Kerajaan dalam pengambilan anak-anak Melayu dalam apa juga jawatan dalam jabatan-jabatan ini, khususnya Jabatan Keretapi. Antara lain:

- (i) Dalam bulan Oktober 1933 beliau telah membandingkan antara latihan dan pengalaman yang diperlukan dari pegawai-pegawai Inggeris dan Melayu dalam beberapa buah jabatan.
 - (ii) Dalam tahun 1934 dengan sakastik beliau berkata: “.....sangat gembira ramai peon Melayu, pembawa surat Melayu, penarik pungkah Melayu, kelasi Melayu, polis Melayu dan penjaga gate Melayu di Jabatan Keretapi; tetapi orang Melayu juga ingin mendapat bahagian dalam jawatan-jawatan lebih tinggi.”
- d) Apabila kerajaan memperkenalkan polisi disentralisasi Dato' Abdullah telah membantah dengan keras sikap Pentadbiran Inggeris dalam mengendalikan pembuangan pegawai-pegawai Melayu di Jabatan-jabatan Kerajaan yang dianggapnya tidak seharusnya dilakukan memandangkan yang orang Melayu baru mencuba dalam bidang pentadbiran Kerajaan. Dengan itu pada Julai 1932 Dato' Abdullah telah memohon dan memperolehi pengakuan dari Ketua Setiausaha Kerajaan yang orang-orang Melayu tidak akan dikurangkan dari perkhidmatan Kerajaan.

Dato' Abdullah juga meminta Kerajaan memberi perhatian terhadap segala pendapat, cadangan dan teguran yang dibuat oleh akhbar-akhbar tempatan terhadap Kerajaan, dan selanjutnya mengambil tindakan-tindakan yang sepatutnya demi kepentingan dan kemajuan orang Melayu seluruhnya.

Dato' Abdullah adalah merupakan salah seorang tokoh yang memperjuangkan penubuhan Pasukan Askar Melayu yang kemudiannya ditubuhkan pada 1hb. Mac 1933.

Dalam usaha memajukan orang-orang Melayu, khususnya Melayu Rembau, beliau telah menubuhkan Waris Fund di Rembau. Fund ini masih wujud hingga ke hari ini dan telah banyak membantu anak-anak Rembau melanjutkan pelajaran dan latihan ke sekolah-sekolah tinggi, kolej dan universiti, baik tempatan mahupun seberang laut. Pada mulanya, tujuan penubuhan waris fund ini adalah untuk memberi pelajaran yang tinggi kepada anak waris yang bakal menyandang jawatan dalam pentadbiran Adat tetapi kemudian telah dibuka kepada semua anak Rembau.

Semasa menjadi Undang, Dato' Abdullah telah cuba membawa beberapa perubahan kepada adat Rembau. Antaranya:

- a) Beliau cuba merubah kedudukan Dato'-Dato' Lembaga dengan menjadikan mereka yang berpendidikan dan berperibadi tinggi penghulu mukim. Dengan itu mereka mendapat semula sebahagian dari kuasa yang hilang akibat dari wujudnya Kanun Tanah Cap. 215 yang diperkenalkan oleh Pentadbiran Inggeris.
- b) Beliau juga menasihatkan Dato'-Dato' Lembaga supaya merubah sikap mementingkan diri serta rasuah dan sebaliknya menjalankan tugas dan tanggungjawab secara berkesan ke atas kepentingan anak buah masing-masing. Kalau tidak juga mahu berubah, beliau mencadangkan Dato'-Dato' itu meletakkan jawatan sahaja.

- c) Beliau juga cuba menghapuskan prinsip perkahwinan eksogami suku dan menggalakkan rakyat Rembau mengikut peraturan Islam dalam pemilihan jodoh. Namun, beliau menemui kegagalan dalam aspek ini.
- d) Tetapi, beliau berjaya mendapatkan persetujuan Dato'-Dato' Lembaga agar harta carian dibahagi mengikut hukum Islam.
- e) Dato' Abdullah juga pernah, semasa menasihati Dato'-Dato' Lembaga, bercadang menghapuskan sistem suku di Rembau seandainya Dato'-Dato' yang korup itu tidak mahu mengubah pendirian.

Sekianlah di antara bakti-bakti yang telah dicurahkan dan disumbangkan oleh Dato' Abdullah bin Haji Dahan, Undang Luak Rembau. Ketokohnya sebagai seorang pemimpin dan nasionalis Melayu tidak diragui lagi. Pandangan beliau, khususnya dalam perancangan untuk pembangunan bangsa Melayu telah mendahului zaman. Misalnya antara lain: saranannya mengenai pembukaan tanah baru hanya dilakukan secara yang disarankannya selepas Malaya merdeka (rancangan Felda; tanah pinggir). Kewibawaannya terasa bukan sahaja di Luak Rembau tetapi juga di seluruh Tanah Melayu, keuntungan yang dituai bukan sahaja terhadap kepada orang-orang Melayu di Luak Rembau, tetapi juga di seluruh tanahair. Ketokohnya ini juga diakui sendiri oleh Kerajaan Inggeris. Ini terbukti pada 28 Jun 1933, apabila Dato' Abdullah bin Haji Dahan, Undang Luak Rembau dikurnia oleh King George V bintang Commander of the British Empire (C.B.E.).

Sebagai akhir kata dikutip sebahagian daripada rencana pengarang akhbar Times of Malaya keluaran 3 Jun 1933. Menurutnyanya:

Dato' Abdullah adalah wira dalam memperjuangkan kepentingan orang Melayu. Seterusnya, menurut rencana itu:

“He (Dato' Abdullah) is the ablest Malay in the country and has shown by his speeches that he is likely to be as stalwart a champion of the Malays!”

DATO' SEDIA RAJA ABDULLAH: SOROTAN KEWIBAWAAN DAN KETOKOHANNYA

Oleh

Ahmad Shah Mohd Noor

Dato' Abdullah bin Haji Dahan dilahirkan pada 1900 tetapi dipanggil kembali ke rahmatullah pada 1938. Dalam jangkamasa sesingkat itu amat segelintir bilangan orang di luar Negeri Sembilan yang berkesempatan mengenali secara dekat peranan dan ketokohan beliau dalam sejarah, khususnya dalam konteks perjuangan bangsa Melayu. Walhal, beliau amat terbabit secara langsung mencorakkan sejarah masyarakat setempat dan bangsanya menerusi kepemimpinannya sebagai Undang Luak Rembau ke - 18 (1922 - 1938) dan sebagai Ahli Tidak Rasmi Majlis Persekutuan (Federal Council) sejak 1927.

Sepanjang 38 tahun hayatnya, Anak Jati Rembau hasil perkongsian hidup Haji Dahan bin Haji Ibrahim dan Salmah binti Daud ini telah memaparkan ciri-ciri kecemerlangan seorang pemuda dan kewibawaan seorang pemimpin Adat dan pejuang bangsa. Gagasan pemikirannya yang bernas dan wawasannya yang jauh ke depan menjadikan beliau seorang yang mendahului zamannya.

Di Maktab Melayu Kuala Kangsar beliau merupakan seorang murid cemerlang. Selain seorang ahli sukan yang berbakat dan mewakili Maktab Melayu dalam permainan bolasepak, 'Abdullah Sailor' turut disegani sebagai seorang Ketua Penuntut. "Kebolehan dan cita-citanya yang luar biasa, keazaman dan kecerdikannya serta perwatakannya yang terpuji dan berdaya usaha sendiri" ¹ menyebabkan J.O' May, Pemangku Pengetua Maktab Melayu membuat kesimpulan bahawa "Abdullah mempunyai otak yang jauh lebih baik daripada Raja Mahmud" ¹ serta "berfikiran saintifik" ¹ , lantas memperakukan menerusi suratnya kepada Residen supaya Ab-

dullah dihantar melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di Universiti Hong Kong.

Meskipun diharap oleh pegawai Inggeris agar menjadi Pegawai Percubaan Melayu, namun, selepas lulus Senior Cambridge dengan cemerlang, Abdullah memilih menjawat tugas sebagai pegawai syarikat kerjasama. Beliau amat yakin dengan keupayaan syarikat kerjasama “memajukan orang-orang Melayu” dan terus-menerus menulis mengenainya selepas beliau meletakkan jawatannya untuk menyandang jawatan sebagai Undang Luak Rembau yang kelapan belas pada September 1922.

Meskipun mengakui sendiri kesibukan tugas-tugas rasmi hariannya sebagai seorang Undang, namun sebagai seorang yang amat komited terhadap idealisme perjuangannya, Dato' Abdullah masih mampu memperuntukkan masanya untuk memimpin Majalah Tetauan Muda selaku Pengarah Urusannya, malah turut menulis mengenai pergerakan syarikat kerjasama dan sejarah Rembau dalam setiap keluarannya serta menerjemah 'Kedukaan-kedukaan Hidup' karya Sir John Lubbock. Bukan itu sahaja, malah Dato' Abdullah sampaikan sanggup berangkat ke Kuala Lumpur untuk menyampaikan ceramahnya yang panjang lebar mengenai 'kepentingan tabiat membaca' dalam majlis anjuran Persekutuan guru-guru Melayu Selangor pada 3hb. April 1931².

Meskipun seorang Undang, namun, Dato' Abdullah tidak sunyi daripada menghadapi cabaran dan tentangan, termasuk yang datangnya daripada kalangan pemimpin vateran Adat sendiri. Di antara isu yang benar-benar menguji kewibawaan beliau ialah pertikaian mengenai pertabalan perlantikan beliau sebagai Undang, dan kontroversi di sekitar “ Biduanda Dagang Gadung Baruh ” dan kes “Sumbang Salah”. Dalam keadaan biasa, seorang pemimpin yang berusia muda mungkin akan tertekan dan tergugat. Akan tetapi tidak begitu halnya dengan Dato' Abdullah. Beliau mengemukakan jawapan demi jawapan kepada setiap perkara yang dipertikaikan itu dengan hujah-hujah yang amat meyakinkan, malah menyerang pula para penentanginya sambil menegaskan tekadnya :

“ Sebagai seorang Undang, saya berkewajipan mencuba sedaya upaya yang boleh, malah hingga mengorbankan diri saya sendiri, demi mempertahankan keandikaan Undang supaya tidak terjejas dan demi memelihara tradisi, perlembagaan dan Adat Rembau supaya kekal dan tetap murni. Saya pastinya tidak boleh membiarkan kuasa dan keandikaan Undang mengalami perubahan ke arah yang lebih buruk semasa tempoh saya memegang jawatan ini, akibat daripada tindakan seorang yang berkepentingan diri ”³

Dalam pada itu, beliau amat mengambil berat terhadap kebajikan anak buahnya dalam setiap segi. Beliau bukan sekadar menulis memohon sesuatu daripada Kerajaan malah mengemukakan cadangan yang kukuh dengan perkiraan terperinci dan berlandaskan hujah-hujah yang berani berkenaan keperluan pembinaan sekolah perempuan, penetapan tempat sekolah ketukangan di Rembau, peruntukan pembinaan masjid dan lain-lain termasuk menuntut supaya kempen mencegah sakit anjing gila diperhebatkan di kampung-kampung supaya anak buahnya yang tidak 'mengerti' sebab-akibat penyakit tersebut dididik dahulu sebelum dipersalahkan kelak.

Ketokohan Dato' Abdullah yang lebih menonjol dapat dinilai dengan lebih ketara dalam konteks peranannya sebagai seorang ahli Majlis Persekutuan. Sebagai seorang yang dilantik pada usia sebegitu muda (27 tahun) dan dalam suasana mesyuarat Majlis Persekutuan yang sentiasa dikelilingi oleh pegawai-pegawai terkanan Inggeris yang tidak kurang bengis dan angkuh, Dato' Abdullah dengan berani, tegas dan lantang sekali terus - menerus menyuarakan perkara-perkara kepentingan bangsa Melayu. Banyak isu nasional yang telah disentuh semasa berperanan sebagai jurubicara bangsa. Hujah-hujah yang dikemukakan amat mengkagumkan terutama-nya apabila diperhitungkan konteks masanya.

Sebagai contoh, di antara lainnya, dalam tempoh 1927 - 1938 lagi beliau telah mengingatkan Kerajaan supaya :

- a) Tidak terlalu bergantung kepada beras import lantaran ianya akan menjejaskan kepentingan petani tempatan dan merugikan tukaran wang asing;
- b) Memastikan bukan sekadar menambah bilangan pengambilan pegawai-pegawai Melayu, tetapi menempatkan mereka ke jawatan-jawatan yang strategik termasuk pendedahan dalam bidang pengurusan kewangan,
- c) Mewujudkan dasar tanah khususnya dalam konteks Tanah Simpanan Melayu agar kepentingan orang Melayu ke atas tanah pada masa akan datang akan terjamin, dan
- d) Mempersetujui dan menyegerakan penubuhan Askar Melayu Siraja sebagaimana yang didesak oleh Raja- raja Melayu sejak awal 1920'an lagi.

Hal-hal yang disentuh ini meskipun turut disentuh oleh ahli Majlis Persekutuan yang lain dan dijawab oleh pegawai-pegawai terkanan bagi pihak Kerajaan, namun, kecenderungan Dato' Abdullah menyusul semula persoalan-persoalan beliau ini dalam mesyuarat-mesyuarat Majlis Persekutuan yang berikutnya dan kemampuan beliau mempertikaikan semula ketepatan jawapan-jawapan tersebut dengan lebih lantang lagi (kadang-kala secara sindiran yang amat sinis), yang disokong dengan bukti dan perangkaan, menyebabkan Kerajaan terpaksa mengambil berat terhadap perkara yang beliau bangkitkan dan membuat susulan. Beliau sering mengingatkan Kerajaan tentang tanggungjawab mereka menyedia dan memberi peluang dan kesempatan sebanyak mungkin kepada pegawai-pegawai Melayu yang berkelayakan untuk mentadbir tanahair mereka sendiri!

Menerusi sorotan terhadap kewibawaan dan ketokohan Dato' Abdullah ini (sejak kecenderungan di zaman persekolahan dan pelajarannya membawa kepada tahap kepemimpinan beliau sebagai seorang Undang dan kemudiannya pula sebagai seorang Ahli Tidak Rasmi Majlis Persekutuan), beberapa iktibar boleh diperolehi seperti:

- a) Beliau tidak pernah menjadikan kesibukan tugas atau jawatan sebagai tembok pemisah yang boleh 'membunuh' komitmen dan kecintaannya kepada budaya ilmu. Dalam kesibukannya, Dato' Abdullah masih mampu berusaha 'mencari masa' untuk bukan sahaja menulis, malah menerjemah, memimpin majalah, menyampaikan ceramah dan banyak berfikir;

- b) Beliau tidak mudah mengalah atau menyerah kepada sebarang cabaran. Sebagai 'anak jantan', beliau sentiasa berani menghadapi risiko. Bila menuntut Kerajaan mengadakan dasar tanah bagi menjamin kepentingan orang Melayu, beliau juga menolak permohonan dan alasan En. Abdullah Hamid b. Sajak⁴ untuk membatalkan taraf Tanah Simpanan Melayunya (En. Abd. Hamid) di Mukim Pasir Panjang untuk membolehkan tanah itu dijual kepada bukan Melayu. Bila beliau menuntut agar pegawai Melayu diberi pendedahan dan ditempatkan ke jawatan-jawatan yang berkaitan dengan kewangan atau angka (figure), beliau sendiri menganggotai Jawatankuasa Kewangan Majlis Persekutuan, Lembaga Koperasi dan Lembaga Pembatasan Getah.
- c) Beliau sentiasa kreatif dan sanggup mencuba sesuatu yang baru yang diyakini berfaedah kepada masyarakatnya. Hal-hal ini dapat dilihat dalam cadangan beliau supaya diadakan sesuatu yang menyerupai Enakmen Kehadiran Wajib untuk memastikan kehadiran kanak-kanak perempuan ke sekolah, pengenalan sistem temujanji dan pembinaan Balai Pejabat, beberapa pandangannya mengenai keanggotaan Dato'-Dato' Lembaga, serta teguran-teguran beliau terhadap tindak-tanduk mereka, dan lain-lain.

Sesungguhnya memang tepatlah kesimpulan Tan Sri Dr. Mohd Said bahawa dengan kematian Almarhum Dato' Sedia Raja Abdullah "Negeri Sembilan telah kehilangan salah seorang puteranya yang terbilang dan orang Melayu kehilangan salah seorang pemimpin yang terkemuka pada tahun 1920'an dan 1930'an abad ini".

Pada usianya yang masih muda Dato' Sedia Raja Abdullah kembali mengadap Ilahi. Semoga para pengkaji sejarah akan berlaku adil dan meletakkan kembali 'saudara kembar' Sir Raja Chulan dalam Majlis Persekutuan ini ke tempatnya yang lebih wajar di kalangan rangkaian tokoh sejarah pejuang bangsa dan tanahair.

Wallahu a'lam.

Catatan :

- 1 Terjemahan langsung perkataan-perkataan J.O'May sendiri dalam suratnya bertarikh 16/03/1919 kepada Setiausaha Residen. Raja Mahmud ialah nama salah seorang pelajar yang ketika itu sedang menuntut di luar negeri (Dehra Dun) atas biasiswa Kerajaan Inggeris.
- 2 Persekutuan tersebut dipimpin oleh sahabat karibnya Mohd Yusof bin Ahmad yang ketika itu Penolong Nazir Sekolah Melayu Selangor. Majlis ceramah berlangsung di Sekolah Inggeris Pasar Road daripada jam 8.00 malam hingga 11.30 malam dan dewan dilapor penuh sesak.
- 3 Petikan daripada Memorandum Undang Rembau bertarikh 25hb. Ogos 1924 yang dikemukakan kepada Residen sebagai menjawab hujah Dato' Gempa yang mempertikaikan kedudukan beliau (Dato' Abdullah) sebagai Undang.
- 4 Seperti isi kandungan surat Dato' Sedia Raja Abdullah bertarikh 23hb. Feb. 1932 kepada Setiausaha Residen.

Biodata penulis:

DATO' SUTAN BENDAHARA HAJI MD. SHARIF BIN FAKEH HASSAN, PPN., PMC., PJK., dilahirkan pada 2hb. Mac, 1925 di Kg. Cembung, Rembau. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Sepri mulai 1931 dan menamatkan Darjah Enam di Sekolah Melayu Rahang.

20hb. November, 1939 beliau dilantik menjadi guru pelatih di Sekolah Melayu Labu Hilir dan melanjutkan pengajian di MPSI pada November, 1941. Menamatkan pengajian di MPSI pada 1948 dengan mendapat Pangkat Pertama.

Kemudian beliau ditugaskan ke beberapa buah sekolah di Negeri Sembilan. Beliau sempat mengikuti Kelas Pelajaran Lanjutan dan Kursus Post dari BIET Australia. Hasilnya pada 1961 beliau lulus *Federation of Malaya certificate of Education* dan melanjutkan pelajaran ke Maktab perguruan Bahasa, Kuala Lumpur.

Seterusnya antara 1964 – 1981 Dato' Sharif menjawat jawatan Guru Besar di sekolah Menengah Kebangsaan Cembung, Guru Besar Sekolah Kebangsaan Undang Rembau dan Pengelola Sekolah-sekolah Rendah Negeri Sembilan. Selepas bersara pada 2hb. Mac, 1980 beliau bertugas sebagai pensyarah di Pusat Bahasa, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Dato' Sharif juga aktif di bidang politik dan kesatuan guru. Antaranya ialah sebagai Ketua Kebajikan Am dan pengasas Koperasi Rembau. Beliau dianugerahi PJK (1967), PPN (1974), PKL (1980) dan PMC (1984) dan terpilih menyandang pesaka Dato' Sutan Bendahara, iaitu Lembaga dan Ketua Adat Suku Batu Hampar. Tahun 1985 beliau terpilih sebagai Tokoh Guru Peringkat Negeri Sembilan. Dato' Sharif juga terkenal dalam bidang penulisan terutamanya mengenai adat dan budaya Negeri Sembilan.

ABDULLAH AZMI BIN ABDUL KHALID seorang pensyarah di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya dilahirkan di Port Dickson, Negeri Sembilan pada 27hb. September 1953 dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Abu Bakar, Temerloh. Ibunya Puan Siti Norbaya ialah anak ketiga kepada Allahyarham Dato' Abdullah, Undang Luak Rembau Ke - 18.

Abdullah Azmi meneruskan pelajaran di Maktab Melayu Kuala Kangsar, Perak dan lulus dari Universiti Malaya dalam jurusan Sejarah (pengkhususan Hubungan Antarabangsa) dengan mendapat B.A. (Hons.). 1978 - 80 beliau melanjutkan pengajian dalam bidang Sejarah Ekonomi dan memperolehi ijazah M.A. (Hons.) dari Universiti Of Sydney, Australia. Kini sedang menyiapkan tesis Ph.D dalam bidang yang sama di London School of Economics. Hobinya membaca, melancong dan bersukan.

NURHALIM BIN HJ. IBRAHIM di lahirkan di Rembau, Negeri Sembilan pada 12hb. Februari, 1945. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Terentang dan melanjutkan pelajaran di Maktab Perguruan Bahasa, Kuala Lumpur. Lulus daripada Universiti Malya dalam bidang Sains Kemasyarakatan tahun 1971. Mendapat ijazah Sarjana Sastera daripada Universiti of Hull England tahun 1976. Sekarang bertugas sebagai pensyarah di Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Pertanian Malaysia. Beliau mempunyai minat yang begitu mendalam dalam bidang penulisan Sejarah Adat dan Budaya Negeri Sembilan. Setakat ini berjaya mengumpulkan tidak kurang 1,000 naskah bahan-bahan bertulis mengenai Negeri Sembilan. Membaca dan melawat merupakan di antara hobi beliau. Beliau dilantik sebagai Pengerusi Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Rembau, Ahli Jawatankuasa Penyelidik Persatuan Sejarah Negeri Sembilan, editor dan AJK Penerbitan Badan Perpustakaan Negeri Sembilan dan seterusnya menganggotai berbagai jenis badan akademik.

AHMAD SHAH BIN MOHD NOOR dilahirkan di Johor Bahru pada 22hb. Mac 1953. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Melayu tetapi kemudian melanjutkan pelajaran ke Maktab Sultan Abu Bakar (English College) Johor Bahru. Lulus daripada Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bidang persuratan pada 1977. Memulai kerjaya sebagai Eksekutif Berita BERNAMA pada tahun yang sama tetapi meletak jawatan untuk memasuki Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik. Pernah bertugas di Kementerian Kewangan, Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan Institut Tadbiran Awam Negara. Pada 1983 melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana Sastera di Universiti Temple Philadelphia. Kini bertugas sebagai Ketua Penolong Pegawai Daerah Rembau (sejak 16hb. Jun 1987). Meminati kegiatan kesukarelaan dan menulis sekali sekala.

“Abdullah seorang pemuda yang mempunyai kebolehan, cita-cita, keazaman dan kecerdikan yang agak luarbiasa serta watak terpuji yang atas dayausahanya sendiri sangat berkobar-kobar untuk memasuki kerjaya perubatan Satu sebab mengapa dia berkeinginan untuk mengambil jurusan perubatan ialah perasaannya bahawa orang-orang Melayu sepatutnya mampu melakukan pekerjaan tersebut serta hasratnya untuk turut bersama membuktikan mereka (orang Melayu) sememangnya mampu.”

— Surat J.O'May kepada Residen.

“Sebagai seorang Undang, saya berkewajipan mencuba sedaya-upaya yang boleh, malah hingga mengurbankan diri saya sendiri, demi mempertahankan keandikaan Undang supaya tidak terjejas dan memelihara tradisi, perlembagaan dan Adat Rembau supaya kekal dan tetap murni. Saya pastinya tidak boleh membiarkan kuasa dan keandikaan Undang mengalami perubahan ke arah yang lebih buruk semasa tempoh saya memegang jawatan ini, akibat daripada tindakan seorang yang berkepentingan diri”

— Surat Dato' Abdullah kepada Residen mengenai bantahan Dato' Gempa.

“..... Orang-orang Melayu penduduk kampung tentunya tidak membaca akhbar, apatah lagi warta, justeru itu apabila penyakit ini berlaku di mana-mana kampung dan perintah untuk membendungnya dalam kawasan tertentu dikuatkuasakan, orang-orang Melayu yang tinggal berhampiran dengannya langsung tidak mengetahui tentang kewujudan hal sedemikian sehinggalah barangkali mereka didakwa dan disabitkan, meskipun, tentunya rayuan mereka tentang kejahilan mereka mengenai penguatkuasaan tersebut tidak dapat diterima sebagai alasan Penampalan pemberitahuan akan sekaligus menjadi amaran dan pendidikan di kalangan ahli-ahli masyarakat yang kerjasama mereka untuk menghapuskan penyakit tersebut amat penting diperolehi”

— Surat Dato' Abdullah kepada Residen mengenai wabak penyakit anjing gila.